

Kekal elaun sara hidup

Pemutihan senarai penerima perlu dilakukan berhema

NORHASRAM MOHAMAD

BACHOK

Kira-kira 40 nelayan tradisional di Pulau Belongan di sini, meminta kerajaan sekarang mengekalkan elaun sara hidup yang diperkenalkan kerajaan terdahulu.

Wakil nelayan, Zainuddin Hussin, 53, berkata, elaun RM300 sebulan itu perlu bagi mengimbangi pendapatan nelayan yang tidak dapat ke laut pada musim tengkujuh.

Menurutnya, tengkujuh boleh melanda bila-bila masa yang akan menyebabkan nelayan hilang sumber pendapatan.

"Kita setuju apabila kerajaan membuat pemutihan bagi mengelak bukan nelayan turut menerima elaun sara hidup, tetapi perlu dilakukan dengan teliti supaya



Zainuddin (kiri) bersama rakan membersihkan pukat ketika tidak dapat menangkap ikan kerana laut bergelora.

nama nelayan aktif tidak tercicir.

"Apabila tercicir dari senarai penerima elaun, nelayan terbabit juga tidak boleh memohon diesel subsidi," katanya kepada *Sinar Harian* semalam

Zainuddin berkata, dia menyokong penuh komitmen agensi kerajaan membantu nelayan menjaga pendapatan tambahan pada

musim tengkujuh menerusi projek ekonomi berdaya maju.

Katanya, penternakan ikan boleh dilaksanakan komuniti nelayan secara berkelompok sekiranya disokong agensi berkaitan.

"Sekarang ini boleh lagi ke laut walaupun bukan setiap hari, tapi bila tengkujuh datang, kami tidak mempunyai sumber rezeki untuk tempoh

info

Elaun RM300 sebulan dapat menampung kehidupan nelayan yang tidak dapat ke laut pada musim tengkujuh

dua atau tiga bulan.

"Bayangkan dalam keadaan begini, kami tidak dapat elaun sara hidup sedangkan inilah sahaja sumber pendapatan," katanya.

Katanya lagi, desas desus mengatakan elaun sara hidup akan dimansuhkan memberi tekanan kepada nelayan pantai sepertinya.

"Saya berharap elaun ini dikedalkan kerana nelayan pantai ini seperti kais pagi makan pagi, pendapatan tidak seberapa dan bergantung kepada musim," katanya.

Menurut Zainuddin, hasil tangkapan dari Pengkalan Pulau Belongan dipasarkan terus kepada Persatuan Nelayan Kawasan dan pemborong.